

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 3 OGOS 2020

SOALAN

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN menyatakan mengapa konsesi syarikat penghasilan benih padi subsidi dipanjangkan sedangkan tender baru telah dibuka dan adakah syarikat baru dibenarkan masuk tender ataupun semestinya kuota tertentu wajib diberi kepada GLC.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE,
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelanjutan bagi pembekalan benih padi sah kepada syarikat pembekal sedia ada dilaksanakan dalam tempoh setahun lagi kerana terdapat masalah teknikal dalam proses perolehan tender. Sehubungan itu, pembekalan benih padi sah kepada syarikat sedia ada dilanjutkan dengan mengambilkira faktor-faktor berikut:

- i) Perancangan ladang dan penanaman benih padi mengambil masa enam bulan (satu musim). Keperluan benih padi sah di lapangan iaitu kawasan penanaman padi di dalam jelapang dan luar jelapang bagi musim penanaman akan terjejas sekiranya tidak mendapat bekalan benih padi sah. Keadaan ini akan menimbulkan rungutan pesawah dan dikhuatiri akan menyebabkan individu yang tidak bertanggungjawab mengeluarkan benih tidak sah dan seterusnya menjejaskan industri beras negara;

ii) Proses perolehan tender mengambil masa dalam tempoh enam bulan meliputi pemeriksaan dalam aspek audit teknikal di kilang-kilang benih padi, stor penyimpanan dan ladang benih padi; dan

iii) Memastikan jaminan makanan (*food security*) bagi industri padi dan beras tetap terjamin disamping tidak menjejaskan pendapatan pesawah.

2. Penilaian telah dilakukan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal untuk mengagihkan kuota pengeluaran benih padi sah berdasarkan aspek teknikal yang diambil kira. Penilaian kewangan juga dilakukan bagi menilai prestasi kewangan pemegang tender. Pemegang tender yang berjaya akan ditentukan kuota pembekalan berdasarkan kapasiti pembekal dan keperluan benih di lapangan. Dalam pelaksanaan pembekalan benih padi sah, semua pihak yang berminat adalah terbuka untuk memohon kepada Kerajaan sebagai pengeluar benih padi sah tetapi tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pada masa ini, sembilan (9) pengeluar benih padi sah yang telah dilantik oleh pihak Kerajaan melalui proses saringan dan prosedur perolehan yang ketat. Semua yang berminat dialu-alukan untuk masuk tender dan tiada syarat khusus bagi pemilihan GLC.

3. Bagi pelaksanaan tender akan datang, Kementerian akan melaksanakan audit teknikal, audit kewangan serta audit lokasi oleh Kawal Selia Padi dan Beras (KPB) sama ada syarikat mematuhi Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) serta Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya sebagai loji benih padi.

Sekian, terima kasih.